

Cadangan Pengolahan Perakaunan Berasaskan Syariah bagi Kutipan dan Agihan Zakat

Mohd Fairuz Md Salleh¹, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun
Hairunnizam Wahid, Ainol Basirah Abdul Wahab

Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: 30 August 2019

Reviewed: 7 October 2019

Accepted: 21 October 2019

Abstrak

Artikel ini mengutarakan cadangan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat dari perspektif institusi zakat sebagai pemegang amanah. Cadangan ini mengambil kira amalan perakaunan semasa institusi zakat di Malaysia dalam mengakaunkan kutipan dan agihan zakat dan pandangan pakar dari aspek syariah berkaitan kutipan dan agihan zakat untuk diaplikasikan dalam pengolahan perakaunan. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan penyata kewangan dan perbincangan dengan pihak institusi zakat, kajian mendapati amalan semasa perakaunan bagi kutipan dan agihan zakat dalam kalangan institusi zakat yang dikaji tidak menunjukkan banyak perbezaan. Kesemua institusi zakat yang dikaji mengakaunkan kutipan zakat sebagai hasil apabila diterima dan agihan zakat sebagai belanja apabila pembayaran atau agihan kepada asnaf dilakukan. Lebihan kutipan zakat iaitu amaun yang masih belum diagihkan kepada asnaf pada sesuatu tempoh perakaunan diakaunkan sebagai ekuiti. Namun, berdasarkan dapatan daripada temu bual dengan kumpulan pakar fiqh, fokus harus diberikan bagi meneliti ketepatan amalan mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil, agihan zakat sebagai belanja dan lebihan kutipan zakat sebagai ekuiti dan sama ada amalan tersebut selari dengan tuntutan syarak. Selari dengan peranan institusi zakat sebagai pemegang amanah, adalah dicadangkan kutipan dan agihan zakat diiktiraf sebagai terimaan dan agihan dalam Penyata Penerimaan dan Agihan mengikut asas tunai. Manakala, lebihan kutipan zakat pada tahun semasa diiktiraf sebagai liabiliti. Cadangan ini juga bertujuan memastikan pelaporan maklumat zakat dalam penyata kewangan adalah tepat serta tidak mengelirukan masyarakat Islam sebagai pemegang taruh, selain dapat menzahirkan akauntabiliti institusi

1 Penulis adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pembangunan Inklusif dan Lestari, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

zakat sebagai pemegang amanah dengan lebih baik. Cadangan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat ini boleh dijadikan panduan dalam membangunkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan dan piawaian perakaunan patuh syariah khusus bagi institusi zakat di Malaysia.

Kata kunci: zakat, kutipan zakat, agihan zakat, perakaunan institusi zakat

Abstract

This article proposes Syari'ah-based accounting treatment for collecting and distributing zakat from the perspective of a zakat institution as a trustee. The proposed accounting treatment considers the current practices of zakat institutions in Malaysia in accounting for the collection and distribution of zakat as well as the expert opinion on the Syari'ah aspects regarding the collection and distribution of zakat. Using the method of content analysis of financial statements and discussions with zakat institution officials, the study found that current accounting practices for collection and distribution among the zakat institutions studied did not show much difference. The zakat institutions account for the collection of zakat as revenue when received and the distribution of zakat as expenditure when payment or distribution to asnaf is made. The amount of zakat collection that has not yet been allocated to asnaf during a given accounting period is recognised as equity. However, based on the findings from interviews with a group of fiqh experts, focus should be given to examining the accuracy of the practice of recognising zakat collection as revenue, distribution of zakat as expense and excess of zakat collection as equity and whether the practice is in line with Islamic law or Syari'ah. In line with the zakat institution's role as a trustee, it is proposed that the zakat collection and distribution be recognised as receipts and distributions and disclosed in the Statement of Receipts and Distributions on a cash basis. Meanwhile, excess zakat collection in the current year is recognised as a liability. The proposal also aims to ensure that the reporting of zakat information in the financial statements is accurate and does not mislead the Muslim community as stakeholders, in addition to better disclosing the zakat institution's accountability as a trustee. The proposed Syari'ah-based accounting treatment for the collection and distribution of zakat can be a guide in developing a financial reporting conceptual framework and specific Syari'ah-compliant accounting standards for zakat institutions in Malaysia.

Keywords: zakat, collecting zakat, distributing zakat, accounting of zakat institutions

Pengenalan

Istilah zakat diambil daripada perkataan asas bahasa Arab yang bermaksud penyucian dan sesuatu yang berkembang (Mannan, 1986). Ia boleh juga diertikan sebagai pertambahan, kebajikan dan pemberian. Istilah zakat banyak dinyatakan dalam al-Quran bersama-sama perkataan lain seperti *sadaqat* dan *solat* yang juga merupakan konotasi yang membawa maksud satu pemberian atau kebajikan. Bagi seseorang Muslim yang berkemampuan, mengeluarkan zakat merupakan salah satu rukun Islam yang diwajibkan sepertimana yang dimaksudkan dalam surah at-Taubah, ayat 103;

“Ambillah (sebahagian) daripada harta-harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”

Dalam al-Quran, zakat tidak dihuraikan dari aspek kutipan tetapi dalam al-Sunah kutipan zakat telah dinyatakan dengan sejas-jelasnya. Manakala dari aspek pengagihan zakat, al-Quran telah memberi panduan yang jelas untuk dilaksanakan, sepertimana terdapat dalam ayat 60, surah at-Taubah. Pada surah at-Taubah ayat 60, Allah SWT telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firman-Nya yang bermaksud,

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk memerdekan budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

(Surah at-Taubah 9: 60)

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima agihan zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, mualaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Ini jelas menunjukkan pengagihan zakat merupakan satu tanggungjawab dan amanah besar yang dipikul oleh institusi zakat (Qardawi, 1999; Mahmood Zuhdi, 2003).

Peningkatan jumlah hasil zakat setiap tahun menjadikan aspek pengurusan zakat oleh institusi zakat seperti Majlis Agama Islam Negeri sangat perlu diberi perhatian (Khairul Azhar, 2017). Ia juga menunjukkan keperluan kepada tatacara perakaunan dan pelaporan hasil yang lebih sistematik dan telus bagi membolehkan institusi zakat menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan (Hailani & Sanep, 2009). Beberapa kajian lepas mendapati pengagihan

zakat masih lagi kurang meyakinkan, sama seperti apa yang berlaku dalam sistem percukaian yang dianggap efisien dalam mengutip cukai tetapi kurang efisien dalam mengagihkan cukai (Qardawi, 1999).

Terdapat beberapa kajian lain yang mengkaji amalan pelaporan oleh beberapa institusi zakat di Malaysia (Htay & Salman, 2104; Sapingi et. al, 2016; Hairunnizam et. al, 2017; dan Norfaiezah et. al, 2017). Kesemua kajian ini berpendapat satu pendedahan maklumat kutipan dan pengagihan zakat yang tepat, lengkap dan telus adalah perlu untuk mengurangkan tahap ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat terhadap pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan oleh institusi zakat. Ini bermakna, maklumat kutipan dan agihan zakat tersebut seharusnya terhasil daripada pengolahan perakaunan yang tepat, bersumberkan syariah Islamiah dan selari dengan peranan institusi zakat sebagai pemegang amanah.

Sehubungan itu, artikel ini mencadangkan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat. Cadangan ini mengambil kira amalan semasa institusi zakat di Malaysia dalam mengakaunkan kutipan dan agihan zakat serta pandangan pakar dalam bidang fiqh berhubung aspek syariah berkaitan kutipan dan agihan zakat.

Institusi Zakat Sebagai Pemegang Amanah

Pengurusan dana zakat oleh institusi yang diberi amanah merupakan faktor penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam khususnya dan negara secara amnya. Dalam konteks Malaysia, pentadbiran zakat diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan. Pentadbiran zakat tersebut dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta agensi yang diberi mandat oleh MAIN. Ini bermakna pentadbiran dan pengurusan zakat bergantung kepada struktur pentadbiran institusi agama Islam di setiap negeri.

Bagi sesetengah negeri, contohnya Johor, pengurusan zakat dilaksanakan oleh MAIN, manakala bagi sesetengah negeri yang lain, ia dilaksanakan oleh agensi di bawah MAIN seperti Lembaga Zakat atau Pusat Zakat (seperti di Selangor dan di Sabah). Menurut Wahbah al-Zuhaili (2005), MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN merupakan entiti perundangan (*syakhsyiyah 'iktibariyyah*) yang mempunyai hak ke atas pengurusan dan pemegangan amanah harta awam umat Islam menurut maslahat termasuk yang berkaitan dengan pengurusan wang zakat.

Selari dengan pandangan Sahibus Samahah Dato' Haji Yahya Ahmad, Timbalan Mufti Negeri Johor tentang MAIN (yang disebut sebagai majlis) seperti berikut:

"...majlis berperanan sebagai ulul amri dan atas nama ulul amri itulah majlis mengutip, mengurus dan mengagihkan. Jadi dari segi itu mungkin mengurus itu termasuk dari sudut pemilikan aset yang akhirnya juga manfaatnya

kepada asnaf. Oleh itu, dari segi syaraknya “khuz min amwalihim..” ambillah daripada harta mereka, ambil itu daripada ulul amri tadi yang disebutkan sultan sebagai ulul amri kemudian sultan memberikan kuasa kepada majlis dan majlis berperanan dengan perkenan daripada sultan...”

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, MAIN atau agensi yang diberi kuasa oleh MAIN merupakan institusi *ulul amri* yang diberi amanah menguruskan dana zakat dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memenuhi dan memelihara kepentingan umat Islam dan juga masyarakat awam amnya. Seiring dengan perkembangan ekonomi dan kewangan umat Islam, serta pemodenan tadbir urus MAIN, pengurusan zakat pada masa kini dilihat lebih kompleks dan memerlukan kepada sistem pengurusan yang cekap dan berkesan bagi menjamin kelestarian sosioekonomi umat Islam. Sebagai institusi berlandaskan Islam yang merupakan pemegang amanah dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam termasuk zakat, MAIN dan agensi yang diberi mandat oleh MAIN untuk mentadbirkan zakat, bukan sahaja mempunyai akauntabiliti kepada masyarakat malah lebih penting ialah akauntabiliti kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, dalam membuat pelaporan organisasi berkenaan seharusnya menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan relevan untuk tujuan pembuatan keputusan ekonomi dan agama serta membantu pihak pengurusan organisasi dalam memenuhi akauntabilitinya dalam konteks yang lebih luas (Haniffa & Hudaib 2002).

MAIN merupakan badan berkanun negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Ini bermakna dari segi akaun dan pelaporan kewangan, Akta Badan Berkanun (1980) hanya mengikat badan berkanun persekutuan, MAIN sebagai badan berkanun negeri tidak terikat dengan akta ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga MAIN, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing yang mengguna pakai Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dalam mengakaunkan zakat bersekali dengan wakaf dan baitulmal. MAIN tersebut adalah termasuk MAIN negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Negeri Selangor pula melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 pindaan 2011, menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tidak menerima pakai Akta Badan Berkanun tetapi tidak menyatakan secara eksplisit perundangan yang diterima pakai untuk perakaunan dan pelaporan kewangan.

Dari segi perakaunan dan pelaporan kewangan termasuk zakat, MAIN juga mengguna pakai Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara. Garis Panduan ini boleh dikatakan bersifat sebagai perundangan subsidiari kerana jika rujukan dibuat kepada Item 7 (f), Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara yang merupakan agensi Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan tatacara perakaunan seperti Garis Panduan Amalan Terbaik tersebut. Dari segi piawaian perakaunan, oleh kerana belum terdapat piawaian perakaunan berasaskan syariah khusus bagi institusi agama seperti institusi zakat, MAIN buat masa ini mengguna pakai piawaian perakaunan konvensional iaitu *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu mendapati amalan perakaunan dan pelaporan di kalangan institusi zakat termasuk MAIN adalah tidak seragam dan hal ini menimbulkan persoalan tentang isu ketelusan dan akauntabiliti yang dipamerkan oleh institusi berkenaan sebagai institusi yang diberi amanah mengurus harta umat Islam (Hasan Basri & Siti Nabiha, 2010). Isu seperti pembayar zakat yang enggan membayar zakat melalui institusi zakat adalah kerana kurang keyakinan tentang bagaimana kutipan dan agihan diuruskan oleh institusi berkenaan (Hairunnizam & Sanep, 2014; Azman et al., 2012). Bagi membolehkan institusi zakat terus mendapat kepercayaan dan keyakinan masyarakat, tatacara perakaunan yang seragam serta pelaporan yang menyediakan maklumat yang lengkap, telus dan boleh dipercayai amat diperlukan (Mohd Fairuz et al., 2016).

Menurut Maliah et al. (2016), kajian tentang isu dan amalan perakaunan di institusi berasaskan agama Islam termasuk institusi zakat di Malaysia adalah masih kurang. Antara kajian awal adalah kajian oleh Abdul Rahman dan Goddard (1998). Mereka mendapati wujudnya isu perakaunan yang perlu diberi perhatian, iaitu ketiadaan sistem perakaunan yang lengkap dan sistematik.

Terdapat juga beberapa kajian terdahulu yang mengkaji amalan pelaporan oleh beberapa institusi zakat di Malaysia (Htay & Salman, 2104; Sapingi et al., 2016, Hairunnizam et al., 2017; dan Norfaiezah et al., 2017). Kesemua kajian ini menegaskan tentang keperluan pendedahan maklumat kutipan dan pengagihan zakat yang lengkap dan telus bagi mengurangkan tahap ketidakpuasan hati dalam kalangan pembayar zakat terhadap pendedahan pelaporan dan maklumat kewangan dan bukan kewangan oleh institusi zakat.

Peningkatan jumlah kutipan zakat setiap tahun menjadikan aspek pengurusan zakat oleh institusi zakat seperti MAIN lebih kritikal (Khairul Azhar, 2017). Justeru, kerangka kerja perakaunan dan pelaporan kutipan dan agihan zakat yang sistematik dan telus amat diperlukan bagi membolehkan institusi MAIN sebaik mungkin menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan (Hailani & Sanep, 2009). Malahan bagi institusi berlandaskan agama Islam seperti ini, tuntutan akauntabiliti adalah lebih holistik iaitu meliputi akauntabiliti kepada Allah dan akauntabiliti kepada masyarakat sejagat terutamanya umat Islam (Mohd Fairuz et al., 2016).

Beberapa kajian terdahulu yang lain pula mencadangkan pelaporan yang berasaskan doktrin syariah seperti pendedahan penyata kewangan yang memenuhi maqasid syariah daripada sudut pendedahan yang bersifat *dharuriyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah* (Mohd Fairuz et al., 2016) dan pendedahan agihan zakat daripada sudut fiqh agihan iaitu mengikut keutamaan berdasarkan mazhab Imam Syafie (Hairunnizam et al., 2017). Walau bagaimanapun, kajian yang mencadangkan aspek perakaunan dan pelaporan dalam konteks syariah ini amat kurang. Pelaporan maklumat yang tepat dan komprehensif yang menggabungkan aspek doktrin fiqh zakat serta aspek sains pengurusan zakat amat diperlukan untuk memastikan

pelaporan kewangan oleh institusi zakat termasuk pelaporan bagi kutipan dan agihan zakat adalah lebih tepat, menyeluruh dan seimbang, selari dengan peranan institusi zakat sebagai pemegang amanah.

Artikel ini bermatlamat untuk mencadangkan pengolahan perakaunan berlandaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat oleh institusi zakat sebagai pemegang amanah. Bagi mencapai matlamat ini, dua objektif yang terlibat ialah pertama, mengkaji amalan semasa perakaunan bagi kutipan dan agihan zakat oleh MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN dalam menguruskan zakat dan kedua, mengumpulkan pandangan pakar dalam bidang fiqh berhubung aspek syariah berkaitan kutipan dan agihan zakat untuk diaplikasikan dalam pengolahan perakaunan.

Metodologi

Kajian yang dilaporkan dalam artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang melibatkan kesemua MAIN di Malaysia dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN dalam urusan wakaf, zakat dan baitulmal. Walau bagaimanapun, sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada lima MAIN seperti yang telah ditetapkan oleh JANM² berserta agensi yang diberi kuasa oleh MAIN masing-masing dalam menguruskan zakat.

Pengumpulan data kajian melibatkan analisis kandungan penyata kewangan institusi berkenaan bagi tahun 2016, iaitu penyata prestasi dan penyata kedudukan kewangan serta nota kepada akaun, iaitu analisis tentang pendedahan berkaitan zakat. Selain itu perbincangan dengan pihak institusi zakat khususnya akauntan turut diadakan bagi melihat dan memahami komponen kutipan dan agihan zakat dan amalan perakaunannya. Seterusnya, kaedah temu bual diguna pakai bagi mendapatkan pandangan pakar berhubung aspek syariah berkaitan kutipan dan agihan zakat. Responden yang terlibat dalam sesi temu bual ini terdiri daripada enam orang pakar yang merangkumi ahli Majlis, ahli jawatankuasa syariah, penasihat syariah di perbankan Islam dan felo institusi kajian berkaitan Islam.

Bagi mencadangkan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat, kajian ini juga merujuk kepada kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan bagi entiti sektor awam yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board* (IPSASB) 2014, Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Penyataan

² JANM membahagikan kesemua MAIN di Malaysia serta agensi di bawahnya kepada tiga zon kajian dan zon yang ditugaskan kepada kumpulan kami adalah zon yang melibatkan lima negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah. Bagi negeri Johor, kutipan dan agihan zakat diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Bagi Selangor, kutipan dan agihan zakat diuruskan oleh Lembaga Zakat Selangor yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1952. Bagi Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Zakat sebuah anak syarikat MAINS menguruskan kutipan zakat manakala agihan zakat diuruskan oleh MAINS. Seperti Negeri Sembilan, urusan kutipan zakat di Melaka diuruskan oleh Pusat Zakat Melaka yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan urusan agihan zakat diuruskan oleh MAIM. Bagi Sabah, urusan kutipan dan agihan zakat dikendalikan oleh satu unit dalam Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) iaitu Pusat Zakat Sabah.

Prinsip pelaporan kewangan daripada perspektif Islam (*Statement of Principles – SOPi*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) sebagai panduan asas untuk memastikan cadangan piawaian perakaunan Islam adalah bersifat praktikal seiring dengan pelaksanaan piawaian perakaunan sedia ada. Selain itu, rujukan daripada aspek syariah juga diambil kira termasuklah beberapa kitab fiqh serta laporan resolusi syariah dalam kewangan Islam oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2016.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang dibentangkan ini adalah mengikut dua objektif kajian iaitu (1) mengkaji amalan semasa perakaunan bagi kutipan dan agihan zakat oleh institusi MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN dan (2) mengkaji pandangan pakar dalam bidang fiqh berhubung aspek syariah berkaitan kutipan dan agihan zakat untuk diaplikasikan dalam pengolahan perakaunan.

Amalan Semasa Perakaunan bagi Kutipan dan Agihan Zakat

Berdasarkan sampel kajian, zakat yang dikutip terdiri daripada dua jenis, iaitu zakat harta (yang terdiri daripada zakat pendapatan, perniagaan, tanaman, ternakan, emas atau perak, *rikaz*, saham, wang simpanan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)) dan zakat fitrah. Kajian ini mendapati hampir kesemua MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN mengiktiraf kutipan zakat atau terimaan zakat ini sebagai 'hasil'. Pengiktirafan kutipan zakat sebagai 'hasil' adalah konsisten bagi kesemua institusi zakat yang dikaji dengan menggunakan kaedah pengiktirafan asas tunai. Selain itu, terdapat juga hasil-hasil lain yang diiktiraf seperti hasil dividen, hibah bank, dan keuntungan simpanan tetap yang dijana daripada dana kutipan zakat yang disimpan di bank sementara menunggu proses agihan kepada asnaf yang terlibat. Simpanan tetap yang menjana keuntungan tersebut adalah simpanan tetap jangka pendek tidak lebih daripada sebulan. Dalam hal ini, terdapat fatwa yang menyatakan bahawa keuntungan simpanan tersebut perlu dimasukkan ke dalam kumpulan wang zakat sebagai hasil, untuk diagih semula kepada asnaf. Pengiktirafan hasil-hasil ini juga adalah mengikut asas tunai.

Jadual 1 meringkaskan jenis hasil yang diiktiraf dalam Kumpulan Wang Zakat (KWZ) oleh lima institusi zakat yang dikaji.

Jadual 1: Hasil Kumpulan Wang Zakat

	Institusi				
	A	B	C	D	E
Kutipan semua jenis zakat harta & fitrah	√	√	√	√	√
Dividen/Hibah/Keuntungan Simpanan Tetap (jangka pendek)	√	√	√	√	√
Keuntungan pelaburan	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	√ (Pelaburan lama)
Kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan kontrak <i>qardul hassan</i>	√	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Hasil sewa premis	√ (Nilai token)	√ (Kadar pasaran)	Tiada	Tiada	Tiada

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa Institusi A mempunyai hasil zakat daripada kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan oleh asnaf kepada institusi berkenaan yang berasaskan kontrak pinjaman *qardul hassan* (pinjaman kebajikan). Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui temu bual didapati kontrak pinjaman *qardul hassan* tersebut diwujudkan dengan tujuan untuk mendidik asnaf dengan sifat tanggungjawab dan komitmen terhadap perniagaan yang dijalankan. Kutipan bayaran balik tersebut telah diiktiraf sebagai hasil hanya apabila ia diterima (asas tunai) dan dimasukkan ke dalam kumpulan wang zakat untuk diagihkan semula kepada asnaf. Seterusnya, bagi sesetengah institusi zakat (Institusi A dan Institusi B), terdapat premis yang dibeli menggunakan dana zakat dan hasil sewa yang dijana daripada premis tersebut dimasukkan ke dalam kumpulan wang zakat. Bagi Institusi A, premis tersebut disewa kepada asnaf dengan kadar sewa pada nilai token kerana bertujuan hanya untuk menyediakan kemudahan kediaman kepada asnaf. Manakala, Institusi B pula menyewakan premis kepada bukan asnaf pada kadar pasaran. Kesimpulannya, bagi kesemua institusi zakat yang dikaji, kutipan zakat diiktiraf sebagai hasil, sama seperti pengiktirafan hasil lain berkaitan zakat seperti dividen dan hibah daripada pelaburan dana zakat serta sewa yang diterima daripada bangunan yang dibeli atau dibina menggunakan dana zakat (mengikut kelulusan fatwa negeri masing-masing). Berbeza dengan hasil lain seperti dividen dan hibah yang diiktiraf mengikut asas akruan, kutipan zakat ini diiktiraf sebagai hasil mengikut asas tunai iaitu diiktiraf apabila amaun zakat tersebut diterima. Dari segi pendedahan, kutipan zakat diasingkan mengikut jenis zakat seperti zakat pendapatan dan zakat perniagaan.

Dalam aspek agihan zakat pula, semua agihan kepada lapan asnaf oleh semua institusi zakat yang dikaji, diiktiraf sebagai belanja mengikut asas tunai iaitu diiktiraf apabila berlaku

pengeluaran tunai. Institusi zakat yang dikaji mendedahkan perincian agihan zakat mengikut asnaf serta penerima dan amaun yang diterima bagi setiap kategori asnaf. Pengiktirafan kutipan zakat sebagai hasil dan agihan zakat sebagai belanja ini seterusnya membawa kepada pengiktirafan ekuiti bagi lebih kutipan zakat, iaitu amaun zakat yang belum diagihkan dalam sesuatu tempoh perakaunan. Bahagian berikutnya melaporkan pandangan pakar yang dirujuk berkaitan kutipan dan agihan zakat dari perspektif syarak untuk diaplikasikan dalam pengolahan perakaunan.

Pandangan Pakar

Kajian ini turut menjalankan temu bual bagi mendapatkan pandangan pakar berhubung pengiktirafan kutipan dan agihan sebagai hasil dan belanja oleh institusi zakat. Secara umumnya kesemua pakar yang ditemu bual bersetuju bahawa kutipan zakat merupakan satu amanah yang perlu diselesaikan pengagihannya dengan segera. Terdapat responden kajian yang berpendapat kutipan zakat sebenarnya bukan merupakan hasil kepada institusi zakat kerana dana zakat adalah lebih berbentuk *yaddul amanah*. Justeru penggunaan istilah hasil dan pengiktirafan kutipan zakat sebagai hasil menurut beliau adalah kurang tepat.

Responden lain pula yang mencadangkan agar dikekalkan istilah hasil dan belanja seperti dalam terma perakaunan konvensional kerana menurut responden berkenaan, isu pengistilahan ini bukan satu masalah besar kerana yang penting ialah *musamma* iaitu inti patinya (*substance*) atau hakikat nama tersebut dan bukan *asma'* (nama)³. Menurut beliau isu yang lebih utama ialah para akauntan dan masyarakat masih belum memahami falsafah asal dan realiti sebenar peranan MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN sebagai pemegang amanah terhadap dana zakat. Pandangan ini juga disokong oleh seorang lagi responden yang menyatakan sebaik-baiknya digabungkan terus dengan subjek (*idhofah*) seperti 'hasil zakat' atau 'terimaan zakat' dan 'belanja zakat' kerana ia dianggap memadai untuk difahami oleh pembaca penyata kewangan institusi zakat. Malah sekiranya diubah istilah atau nama sekalipun, falsafahnya tetap sama iaitu zakat sebagai amanah untuk diagihkan kepada asnaf.

Ini telah dijelaskan lagi oleh seorang responden lain yang mengutamakan kaedah mengekalkan istilah perakaunan konvensional sedia ada kerana penggunaannya merupakan itu adalah amalan semasa yang sedia ada yang diharuskan selagi tidak bertentangan dengan syarak. Beliau menamakan ia sebagai *uruf* perakaunan. Responden berkenaan berpandangan amalan atau *uruf* semasa yang diamalkan oleh MAIN tidak menjejaskan malah status fiqh tetap sama. Responden ini juga menyatakan wujud satu kaedah fiqh iaitu *la mushahah fi al-istilah*, yang menyatakan bahawa perlu berbalah dalam meletakkan istilah asalkan substance dan falsafah masih mengikut syariah. Kaedah fiqh *la mushahah fi al-*

3 Perkataan *al-asma'* bermaksud nama (yang padanya ia dikenali sebagai sesuatu). *Al-asma'* juga digunakan hanya untuk mengetahui sesuatu dan untuk merujuk kepada sesuatu. Manakala perkataan *al-musamma* memberi erti daripada sudut bahasa adalah takrifan kepada apa yang dimaksudkan. Ia bermaksud makna atau sesuatu yang dilambangkan oleh kata nama. *Al-musamma* juga merupakan padanan atau persamaan tentang nama dengan hakikat nama yang dipanggil tersebut. (kamus al-ma'ani <https://www.almaany.com/>)

istilah bermakna tiada perdebatan dalam istilah (selagi hakikatnya sama). Responden ini seterusnya mencadangkan terdapat dua kaedah yang boleh dipilih dalam mengakaunkan kutipan zakat. Pertama, sekiranya mengikut ciri zakat itu sendiri, kutipan zakat ialah liabiliti kepada institusi zakat untuk diagihkan kepada asnaf. Selagi jumlah kutipan zakat itu belum diagihkan, ia menjadi liabiliti kepada institusi zakat sebagai pemegang amanah. Ini bermakna kutipan zakat tidak sesuai diiktiraf sebagai hasil. Kedua, mengikut uruf atau mengikut amalan biasa institusi zakat sehingga kini iaitu mengiktiraf kutipan zakat sebagai hasil dan kutipan yang belum diagihkan akan diakaunkan sebagai ekuiti.

“Kita ada dua pilihan, sama ada kita hendak “go by nature of zakat”, jadi kita kena buat satu naratif bahawa yang dikatakan liabiliti untuk pusat zakat tidak menggambarkan yang ia banyak hutang, liabiliti itu menggambarkan amaun yang akan diberi kepada asnaf. Satu caralah. Yang kedua, kita “give way” pada uruf, masih dikelaskan sebagai ekuiti tapi ekuiti untuk pusat zakat adalah yang pusat zakat akan gunakan untuk penuhi liabiliti iaitu pembayaran kepada asnaf”

Berdasarkan pandangan responden berkenaan, jika dana zakat yang belum agih diiktiraf sebagai ekuiti, perlu ada penerangan tentang ekuiti zakat ini iaitu ekuiti yang dihadkan hanya untuk bayaran zakat kepada asnaf pada masa depan bukan sepertimana maksud ekuiti dalam perniagaan konvensional yang boleh digunakan untuk menjelaskan mana-mana liabiliti pada masa depan. Menurut beliau, amalan semasa yang mengelaskan lebih agihan zakat sebagai ekuiti adalah dibenarkan atas sebab amalan *uruf* perakaunan tetapi perlu menggunakan istilah ekuiti terhad (*restricted equity*) agar ia selari dengan konsep institusi zakat sebagai pemegang amanah.

Terdapat juga pandangan daripada pakar agar diwujudkan satu istilah baharu. Mereka berpandangan, perubahan kepada istilah baharu diharuskan sekiranya timbul kesan negatif kepada masyarakat yang memahami bahawa kutipan zakat itu adalah hasil kepada institusi zakat. Istilah baharu yang dicadangkan adalah penting untuk menunjukkan institusi zakat menerima dana kutipan zakat atas dasar pemegang amanah dan ia diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan jelas.

Rumusannya terdapat dua pandangan yang perlu diberi perhatian dalam mencadangkan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat. Pertama, terminologi perkataan ‘hasil’ dan ‘belanja’ zakat sama ada perlu dikekalkan atau diberi nama ‘*asma*’ yang baharu dengan merujuk kepada takrif ilmu perakaunan. Kedua, pengiktirafan lebih dana zakat yang belum diagihkan sebagai elemen ‘liabiliti’ iaitu satu cadangan yang baharu atau kekal sebagai elemen ‘ekuiti’ seperti amalan semasa institusi zakat tetapi perlu ada pernyataan bahawa ekuiti tersebut dihadkan kegunaannya hanya untuk agihan zakat kepada asnaf pada tempoh perakaunan berikutnya.

Cadangan Pengolahan Perakaunan Berasaskan Syariah bagi Kutipan dan Agihan Zakat

Dalam menyelesaikan permasalahan manusia semasa dalam konteks ilmu perakaunan, menurut Hailani (2016), konsep kewajaran, mudah dan anjal (*flexible*) memainkan peranan yang penting supaya penyelesaian permasalahan ini dapat diterima oleh pemikiran yang rasional berasaskan doktrin Islam yang bersumberkan epistemologi Islam yang sebenar. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:185) menjelaskan perkara tersebut yang bermaksud;

“...Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”

Selain itu firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2: 286) yang bermaksud:

“Allah (sekali-kali) tidak akan memberatkan kamu melainkan apa yang terdaya kamu lakukan”

Dalam hal ini, para imam mazhab telah merumuskan suatu kaedah dalam muamalah bahawa,

“asal hukum suatu perkara dalam muamalat diharuskan sehinggalah ada dalil yang menunjukkan sebaliknya”

Justeru kajian ini juga merujuk kepada beberapa kaedah fiqh yang telah menjadi asas pertimbangan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM) dalam mengaplikasikan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam sebagai asas pertimbangan kepada prinsip pengiktirafan terhadap istilah dan terminologi 'hasil' dan 'belanja', mengikut syarak yang juga menjadi teras kepada pelaporan kewangan Islam. Menurut Bank Negara Malaysia (2010), kaedah kemungkinan yang kuat (*zan al-ghalib*) boleh diambil kira di samping keharusan menggunakan beberapa kaedah fiqh yang berkaitan dengan prinsip kebarangkalian dalam pelaporan kewangan Islam, antaranya (1) *al- Aslu as-Sihah* (asal sesuatu itu adalah sah); (2) *al- 'Ibrah lil ghalib as-Sya 'i la linnadir* (pertimbangan kepada kebiasaan yang meluas dan bukan pada yang terpencil); (3) *ma qaraba as-Syai' yu'tho* hukmah (apa-apa yang hampir kepada sesuatu itu, maka ia mengambil hukum yang sama); dan (4) *az-Zhon wajib al-ittiba'* (kebarangkalian hendaklah diikuti).

Namun dalam mencadangkan pengolahan perakaunan bagi kutipan dan agihan zakat, kami berpandangan kaedah *al-adah al-muhakkamah* dan *al-umur bi al-maqasidiha* sesuai digunakan dan dipraktikkan disebabkan oleh kebanyakan institusi zakat seperti MAIN mempunyai keunikan masyarakat Islam yang berbeza amalan dan adat masyarakat Melayu mengikut negeri masing-masing. Secara praktisnya, pengurusan zakat oleh institusi zakat seperti MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN adalah berpandukan kepada pandangan jawatankuasa syariah dan fatwa negeri masing-masing yang sudah pasti mempunyai pandangan yang berbeza mengikut tempat dan masa dalam menguruskan

dana zakat. Kajian ini juga merujuk kriteria pengiktirafan terhadap terminologi perakaunan menggunakan kerangka kerja konseptual IPSASB (2014) serta MPSAS sebagai rujukan asas yang telah menjadi rujukan arus perdana dalam bidang perakaunan.

Takrif Hasil dan Belanja

Menggunakan IPSASB (2014) serta MPSAS dan SOPi sebagai asas takrif serta mengambil kira pandangan pakar fiqh yang ditemu bual dan pandangan Wahbah Al-Zuhaili (2005), takrif hasil yang dicadangkan menurut syarak ialah,

“Peningkatan manfaat ekonomi oleh entiti melalui transaksi dan kontrak yang patuh syariah yang menyebabkan peningkatan dalam ekuiti, selain yang berkaitan dengan sumbangan yang telah ditetapkan tujuan atau niat oleh penyumbang dan terdiri daripada hasil pertukaran dan hasil bukan pertukaran”

Dengan menggunakan rujukan yang sama dalam mentakrifkan hasil, takrif belanja yang dicadangkan menurut syarak ialah,

“Pengurangan dalam kedudukan kewangan bersih entiti melalui transaksi/ kontrak yang patuh syariah dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan”

Berdasarkan takrif yang dicadangkan di atas, kami mendapati istilah ‘hasil’ tidak sesuai untuk disandarkan kepada zakat. Ini adalah kerana transaksi yang melibatkan zakat bukan melibatkan sebarang transaksi muamalat (kontrak jual beli dan sebagainya) tetapi sebagai penerimaan dana daripada pembayar zakat. Penerima dana ini atau juga disebut sebagai amil adalah bertindak sebagai pemegang amanah untuk mengagihkan zakat kepada kumpulan asnaf yang telah ditentukan dalam Islam seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran, surah at-Taubah ayat 60. Sebaliknya, kami mencadangkan takrif hasil adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada hasil yang diterima daripada transaksi yang melibatkan hasil sumber am termasuk bahagian zakat di bawah asnaf amil yang diterima oleh institusi zakat yang diiktiraf dalam Kumpulan Wang Baitulmal serta manfaat wakaf am yang diiktiraf dalam Kumpulan Wang Wakaf.

Begitu juga dengan istilah belanja. Berdasarkan takrif yang dicadangkan di atas, istilah belanja tidak sesuai disandarkan kepada zakat. Sebaliknya istilah belanja adalah sesuai untuk diaplikasikan kepada kos pengurusan zakat seperti bayaran gaji pekerja yang terlibat serta segala perbelanjaan yang wujud daripada transaksi yang dilakukan oleh institusi Baitulmal kesan daripada kontrak yang dilibatkan. Ini bermakna terminologi ‘belanja’ adalah tidak sesuai untuk disandarkan kepada zakat kerana institusi zakat seperti MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN hanya mengagihkan zakat kepada asnaf bukan sebagai kos operasi yang boleh mengurangkan aset bersih atau ekuiti MAIN atau agensi yang terlibat.

Pengiktirafan dan Pendedahan

Berdasarkan pandangan pakar yang telah ditemu bual dan berdasarkan takrif hasil yang dikemukakan di atas, kami mencadangkan kutipan zakat tidak diiktiraf sebagai hasil sepertimana yang didedahkan dalam Penyata Prestasi. Sebaliknya, kutipan zakat diiktiraf sebagai liabiliti selagi ia belum diagihkan kepada golongan asnaf yang telah disyariatkan. Ini bermakna, apabila amaun zakat diterima, institusi zakat seperti MAIN perlu merekodkan amaun tersebut sebagai tunai dan liabiliti zakat bagi amaun zakat yang belum diagihkan. Amaun liabiliti ini akan berkurangan apabila kutipan zakat yang diterima itu telah diagihkan kepada asnaf. Ini adalah kerana institusi zakat telah menerima tunai terlebih dahulu daripada pembayar zakat dan adalah menjadi tanggungan kepada institusi berkenaan untuk mengagihkannya kepada golongan asnaf. Kutipan dan agihan zakat ini diakaunkan mengikut asas tunai sebagai terimaan dan agihan dalam Penyata Penerimaan dan Agihan Zakat. Lebihan yang ditunjukkan dalam penyata ini merupakan kutipan zakat yang perlu diagihkan kepada asnaf dalam tempoh perakaunan akan datang iaitu baki liabiliti kepada institusi zakat yang akan didedahkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Walau bagaimanapun, bahagian zakat di bawah asnaf amil yang diterima oleh institusi zakat boleh diiktiraf sebagai hasil dan boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan pengurusan yang dilibatkan oleh institusi tersebut dan lebihan hasil tersebut boleh diiktiraf sebagai ekuiti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Lebihan kutipan zakat pula perlu dinyatakan secara jelas dalam nota kepada akaun bahawa ia adalah amaun zakat yang belum agih yang akan dibayar atau diagihkan kepada asnaf dalam tempoh perakaunan berikutnya. Ini selari dengan takrif liabiliti menurut syarak yang telah kami cadangkan menggunakan IPSASB 2014 serta MPSAS dan SOPⁱ sebagai asas takrif serta mengambil kira pandangan pakar fiqh yang ditemu bual dan pandangan Wahbah Al-Zuhaili (2005), iaitu obligasi yang timbul daripada peristiwa lalu, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar sumber daripada entiti dan obligasi ini wujud disebabkan oleh tuntutan syarak. Elemen ini perlu didedahkan pada bahagian 'liabiliti semasa' dalam penyata kewangan institusi zakat untuk menunjukkan obligasi yang belum diselesaikan dan perlu diselesaikan secepat mungkin dalam tempoh perakaunan berikutnya.

Selain itu, untuk meningkatkan lagi penzahiran akauntabiliti melalui pelaporan, maklumat terperinci tentang agihan zakat termasuk amaun yang diagihkan kepada penerima setiap kumpulan asnaf perlu dilaporkan dalam nota kepada akaun. Maklumat dalam nota kepada akaun juga perlu menyatakan sebab mengapa kutipan zakat tahun semasa belum diagihkan sepenuhnya dan perancangan agihan yang akan dibuat dalam tempoh perakaunan akan datang. Perincian maklumat zakat ini iaitu maklumat kewangan dan bukan kewangan amat diperlukan untuk mengurangkan salah tanggapan pembayar zakat dan pemegang taruh yang lain terhadap pengurusan zakat dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka terhadap akauntabiliti institusi zakat sebagai pemegang amanah.

Pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan ini penting bagi pemegang taruh termasuk pembayar zakat dalam pembuatan keputusan ekonomi dan keputusan agama. Pendedahan sebegini selari dengan prinsip pendedahan penuh dalam perakaunan dari perspektif Islam seperti yang diutarakan oleh Haniffa dan Hudaib (2011), iaitu pendedahan maklumat yang relevan dalam pembuatan keputusan ekonomi dan agama. Selain itu, maklumat berkaitan zakat yang didedahkan ini adalah maklumat yang boleh dipercayai selari dengan prinsip objektiviti dalam perakaunan dari perspektif Islam, iaitu pendedahan maklumat yang tidak mengelirukan atau menimbulkan salah tanggapan (Haniffa & Hudaib, 2011). Pengiktirafan amaun kutipan zakat sebagai liabiliti dan bukan sebagai hasil selagi ia belum diagihkan adalah tepat agar pendedahan yang dibuat dalam laporan kewangan institusi zakat tidak menimbulkan salah tanggapan dalam kalangan masyarakat kerana amaun zakat yang diterima itu bukan merupakan hasil yang dijana daripada aktiviti operasi institusi zakat sebaliknya merupakan sesuatu yang diamanahkan kepada institusi zakat untuk diagihkan. Mendedahkan maklumat yang benar dan tepat merupakan satu perkara yang amat penting dalam Islam yang bukan sahaja diaplikasikan kepada individu tetapi juga kepada organisasi seperti institusi zakat. Al-Quran dengan jelas menyatakan tentang pendedahan perkara-perkara yang benar dan tepat dalam surah al-Baqarah ayat 42;

“Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang bathil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu, sedang kamu mengetahui”

Walau bagaimanapun, prinsip pendedahan penuh dalam Islam ini tidak bermakna mendedahkan semua perkara secara terperinci tetapi perkara-perkara yang penting kepada pengguna terutamanya umat Islam dalam menjalankan perintah Allah yang perlu didedahkan (Baydoun & Willet, 1997). Dalam konteks zakat, perkara penting yang perlu didedahkan termasuk maklumat tentang jenis dan amaun zakat yang dikutip, kepada siapa agihan dibuat dan berapa amaunnya serta sebab zakat belum diagihkan sepenuhnya.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati amalan semasa perakaunan bagi kutipan dan agihan zakat dalam kalangan institusi zakat yang dikaji tidak menunjukkan banyak perbezaan. Namun, tumpuan harus diberikan bagi meneliti ketepatan amalan mengiktiraf kutipan zakat sebagai 'hasil' sama ada amalan tersebut selari dengan konsep hasil daripada perspektif syarak. Pengiktirafan kutipan zakat sebagai 'hasil' dalam penyata prestasi bagi institusi zakat seperti MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN boleh menimbulkan persoalan dan salah faham atau salah tanggapan pengguna penyata kewangan kerana amalan perakaunan semasa mengiktiraf 'lebih' kutipan zakat sebagai ekuiti sedangkan lebih tersebut sebenarnya ialah liabiliti iaitu amaun kutipan zakat yang belum diagihkan. Dapatan ini menunjukkan amalan semasa oleh institusi zakat terhadap kutipan zakat belum agih tersebut dilayan sama seperti 'lebih pendapatan atas perbelanjaan' daripada sudut perakaunan kerana pelaporan kewangan institusi zakat masih lagi mengikut piawaian perakaunan konvensional. Namun begitu perlu dijelaskan bahawa amalan tersebut tidak bertentangan dengan syarak kerana ia merupakan

uruf perakaunan yang diamalkan sebelum ini dan sekiranya ingin mengekalkan lebih zakat yang belum diagihkan sebagai elemen ekuiti, maka institusi zakat perlu mengasingkannya daripada ekuiti biasa dan mengelaskannya sebagai ekuiti terhad iaitu yang hanya dihadkan untuk agihan zakat kepada asnaf dalam tempoh perakaunan berikutnya.

Bagi menzahirkan akauntabiliti institusi zakat sebagai pemegang amanah dengan lebih baik, kami merumuskan tiga perkara utama sebagai cadangan pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat, iaitu pertama, dana zakat merupakan liabiliti kepada entiti yang menguruskan zakat dan institusi zakat seperti MAIN serta agensi yang diberi kuasa oleh MAIN berdasarkan penjelasan tentang konsep *yaddul amanah* yang telah dijelaskan oleh pakar fiqh yang terlibat dalam kajian ini dan institusi zakat seperti MAIN dan agensi yang diberi kuasa oleh MAIN. Ini bermakna MAIN ialah *yaddul amanah* kepada dana zakat di sesebuah negeri berdasarkan perundangan. Ini menjelaskan lagi bahawa institusi zakat merupakan entiti perundangan yang kuasanya dirujuk kepada enakmen pentadbiran agama Islam negeri dan pengurusanannya terbatas kepada perundangan pada peringkat persekutuan dan negeri. Kedua, penggunaan istilah yang betul iaitu 'kutipan zakat' dan 'agihan zakat' berdasarkan amalan semasa perakaunan yang merujuk IPSASB (2014) dan MPSAS. Institusi zakat juga perlu persembahkan satu penyata khusus untuk menunjukkan 'terimaan zakat' dan 'agihan zakat' tersebut iaitu Penyata Penerimaan dan Agihan Zakat. Amalan di kebanyakan negeri yang dikaji dan berdasarkan perbincangan dengan pihak institusi zakat sendiri, menunjukkan kebanyakan negeri lebih selesa dengan istilah 'Terimaan Zakat' dan 'Agihan Zakat'. Cadangan ini juga selari dengan pandangan pakar yang ditemu bual bahawa istilah yang dicadangkan tidak menimbulkan kekeliruan; dan ketiga, mengiktiraf lebih kutipan zakat pada tahun berkenaan sebagai 'liabiliti' dan bukan sebagai ekuiti. Pengiktirafan sebagai 'ekuiti terhad' juga kurang tepat kerana takrif 'hasil' dan 'belanja' yang tidak konsisten dengan falsafah zakat. Justeru jika zakat tidak sesuai dengan terminologi 'hasil' dan 'belanja', maka konsep lebih agihan zakat pada tahun berkenaan tidak sesuai dikelaskan sebagai 'ekuiti' atau 'ekuiti terhad'. Perlu juga dinyatakan dalam nota kepada akaun tentang sebab mengapa amaun zakat tersebut belum dapat diagihkan sepenuhnya dalam tahun semasa supaya pengguna penyata kewangan khususnya dan pemegang taruh secara keseluruhannya jelas tentang pengurusan zakat yang diamanahkan kepada institusi zakat. Pendedahan penuh sebegini dapat mengurangkan persepsi negatif dan salah tanggapan masyarakat terhadap institusi zakat sebagai pemegang amanah.

Pengolahan perakaunan berasaskan syariah bagi kutipan dan agihan zakat yang dicadangkan ini boleh dijadikan panduan bagi membangunkan kerangka kerja konseptual pelaporan dan piawaian perakaunan khususnya bagi kutipan dan agihan zakat terutamanya dalam aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dana zakat untuk dilaksanakan oleh semua institusi zakat di Malaysia. Ini kerana pelaporan kewangan zakat perlu dilihat daripada dimensi yang lebih luas termasuklah kaedah doktrin yang berkait dengan fiqh zakat yang melibatkan pelbagai fatwa yang sentiasa kehadiran untuk menangani permasalahan fiqh semasa serta kaedah sains yang dikaitkan dengan pengurusan zakat yang dinamik. Justeru satu takrifan yang baik berdasarkan kaedah fiqh iaitu *jami' dan mani'* diperlukan untuk mentakrifkan

zakat, kutipan zakat, agihan zakat serta baki zakat yang belum diagihkan agar konsisten dengan piawaian perakaunan semasa bagi memudahkan para akauntan di institusi zakat untuk mengiktiraf, mengukur dan mendedahkan maklumat kutipan dan agihan zakat dalam penyata kewangan institusi dengan telus, komprehensif dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada pemegang taruh, seterusnya dapat memastikan akauntabiliti institusi zakat sebagai pemegang amanah dapat dizahirkan dengan sebaik mungkin.

Rujukan

Abdul Rahman, A.R & Goddard, A. (1998), An Interpretive Inquiry of Accounting Practices in Religious Organisations, *Financial Accountability & Management*, 14(3), 183-201.

Azman A.R, Alias, M.H., & Omar, S.M.N. (2012), Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues, *Global Journal Al Thaqafah (Gjat)*, 2(1), 35-41.

Bank Negara Malaysia (2010). Resolusi syariah dalam kewangan Islam. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Baydoun, N. & Willet, R. (1997). Islam and Accounting: Ethical Issues in the Presentation of Financial Information: Accounting, Commerce & Finance: the Islamic Perspective *Journal*, Vol. 1, No. 1, 1-25.

Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad (2009). Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Selangor.

Hairunnizam Wahid, Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun & Ainol Basirah Abdul Wahab (2017). Pendedahan maklumat Zakat bagi pelaporan Institusi Islam: Kajian terhadap Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia.dalam Zahari Mahad Musa et. al. (penyt.) *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM. h. 287-300.

Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Maryam Abd Rashid (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 51(2): 39-54

Haniffa, R. & Hudaib, M. (2011). https://www.researchgate.net/publication/282124466_A_theoretical_framework_forthe_development_of_the_Islamic_perspective_of_accounting

- Hasan Basri and A.K. Siti Nabiha, (2010), 'Towards good accountability: the role of accounting in islamic religious organisation', The International Conference on Business, Economics and Finance, World, Academy of Science, Engineering and Technology, Paris, France.
- Htay, Sheila Nu Nu, and S. A. Salman. (2014) "Proposed best practices of financial information disclosure for zakat institutions: A case study of Malaysia." World Applied Science Journal 30(37): 288-294.
- IPSASB (2014), Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities.
- Khairul Azhar, M. (2017), Potensi Zakat Dalam Pembangunan Umat Islam Di Malaysia, Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Islam 2017, Kolej Universiti Islam Melaka
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2003). Pengurusan Zakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia Accounting Standards Board (2009). SOP i-1 Financial reporting from an Islamic perspective.
- Maliah, S., Muslim Har Sani, M., Hafiz-Majdi, A.R., Maliah, S., Ahmad Zamri, O.H., Siti Alawiyah, S., & Ibrahim, N. (2016), Accounting and Accountability of Waqf, Zakat, and Baitul Mal (WZB) in Malaysia: A Review of Literature, IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, 6, 1-12.
- Mannan M.A, (1986). Islamic economics: Theory and practice. Cambridge: Hodder and Stroughton.
- Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun, Muhammad Arzimi Naim & Hairunnizam Wahid (2016). Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management. 6: 23-44
- Norfaiezah Sawandi, Norazita Marina Abdul Aziz & Ram al Jafri Saad (2017) Zakat accountability practices: case study of zakat institution. International Journal of Economic Research. 14(16): 223-232
- Qardawi, Y. 1999. Fiqh Az-Zakat: A Comparative study. London: Dar Al Taqwa Ltd

Sapingi, Raedah, Sherliza Puat Nelson, and Siti Normala Sheikh Obida. (2016) Current Disclosure Practices by zakat Institutions In Malaysia: An Exploratory Study. Qualitatif Research Conference. 24-26 May 2016, Penang, Malaysia

Wahbah al-Zuhaili (2005), Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid IV. Md Akhir Hj Yaacob et. al. (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

